

31/10/2003

Dana Harapan perkukuh PNB

PENUBUHAN institusi dana Bumiputera kedua dilakukan untuk menyokong operasi Permodalan Nasional Bhd (PNB), kata Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Halipah Esa.

Beliau berkata, penubuhan institusi yang akan dikenali sebagai Dana Harapan itu tidak bermakna PNB gagal mencapai matlamatnya selama ini.

"PNB kini sudah semakin besar dari segi saiz dan tanggungjawabnya," katanya dalam taklimat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) di Putrajaya, kelmarin.

Kajian Separuh Penggal RM-8 itu dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir di dalam sesi terakhir beliau sebagai Perdana Menteri di Parlimen, semalam.

Halipah berkata, Dana Harapan akan diuruskan oleh tenaga kerja yang profesional dan berpengalaman untuk menarik serta memobilisasi modal serta tabungan Bumiputera.

"Langkah kerajaan meningkatkan pembabitan ekuiti Bumiputera dalam ekonomi dibuat berikutan penurunan jumlah itu kesan liberalisasi pelaburan.

"Menerusi institusi ini, kerajaan berharap lebih banyak dana dijana menerusi produk yang lebih inovatif serta berdaya maju," katanya.

Mengenai perkembangan penubuhan Dana Harapan yang turut dinyatakan dalam Bajet 2004, Halipah berkata, ia kini masih dalam peringkat perbincangan.

Beliau berkata, cadangan mengenainya kini dibincangkan oleh anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II).

"Mereka sedang memperincikan idea sama ada dana itu boleh dikendalikan sebagai sebahagian daripada PNB atau melaksanakan satu set dana baru," katanya.

Halipah berkata, EPU dan Kementerian Kewangan juga kini mengkaji daya maju dana berkenaan dan ia dijangka diumumkan tidak lama lagi.

Selain penubuhan Dana Harapan, Dr Mahathir juga mengumumkan kerajaan akan meningkatkan jumlah kontrak yang diberikan kepada Bumiputera daripada 30 peratus kepada 60 peratus.

Halipah berkata, langkah itu dibuat sebagai sebahagian daripada usaha strategik kerajaan dalam meningkatkan pemilikan Bumiputera serta menjana industri domestik.

Katanya, oleh kerana penyenaiaan syarikat ke pasaran saham mampu meningkatkan peluang dan daya majunya, kerajaan akan menggalakkan lebih banyak firma Bumiputera berbuat demikian.

"Dalam konteks ini, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan terus memupuk dan membantu syarikat Bumiputera untuk disenaraikan pada masa depan," katanya.

Mengulas mengenai usaha menjadikan dana keusahawanan sedia ada lebih fokus dan mudah diperoleh, Halipah berkata, tabung sedia ada akan diselaras dan disusun semula mengikut sistem tiga peringkat.

Sebagai contoh katanya, lima tabung yang kini dikendalikan Bank Negara dan disalurkan menerusi pelbagai institusi kewangan akan dikategorikan sebagai dana pembangunan.

(END)